Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete Documents

KETUA HAKIM NEGARA

KAMAR
KETUA HAKIM NEGARA
MAHKAMAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA

KHN 007

2 Januari 2003

Y.A-Y.A. Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi
Seluruh Malaysia

Semua Hakim Kanan/Hakim
Mahkamah Sesyen
Seluruh Malaysia

Semua Timbalan Pendaftar/Pegawai Penyelidik/Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Persekutuan/Mahkamah Rayuan/MahkamahTinggi
Seluruh Malaysia

Semua Majistret
Seluruh Malaysia

Y.A.-Y.A. Datuk/Datuk Wira/Dato'/Y. Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

ARAHAN AMALAN KETUA HAKIM NEGARA BIL. 2 / 2003
KES-KES KEUTAMAAN

Setelah berunding dengan Y.A.A. Presiden Mahkamah Rayuan, Y.A.A. Hakim Besar Malaya dan Y.A.A. Hakim Besar Sabah dan Sarawak, saya dengan ini mengeluarkan arahan seperti berikut:-

1. PERBICARAAN KES

Dalam menjalankan perbicaraan kes-kes di mahkamah, keutamaan hendaklah diberi mengikut susunan yang berikut:-

(i) kes reman;
(ii) kes anggota kerajaan termasuk badan berkanun;

Bangunan Sultan Abdul Samad, Jalan Raja, 50506 Kuala Lumpur.
Tel:03-2696 6157 Fax:03-2693 7929

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete

(iii) kes kanak-kanak;

(iv) kes yang melibatkan kepentingan awam;dan

(v) kes cetak rompak.

Perbicaraan bagi kes-kes di atas hendaklah dijalankan dalam tempoh **dua bulan** dari tarikh seseorang itu mula dituduh di mahkamah dan perbicaraan hendaklah dijalankan **dari hari ke hari** sehingga selesai. Jika atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, perbicaraan terpaksa ditangguhkan, maka sambungan perbicaraan hendaklah ditetapkan ke suatu tarikh **tidak lewat daripada satu bulan** dari tarikh penangguhan dibuat.

Sesuatu perbicaraan hendaklah diselesaikan dalam tempoh tidak lewat daripada **tiga bulan** dari tarikh seseorang itu dituduh.

2. TINDAKAN SELEPAS PERBICARAAN TAMAT

PENYEDIAAN REKOD RAYUAN

Rayuan ke Mahkamah Tinggi

(a) Jika rayuan dibuat ke atas **hukuman sahaja**, salinan fotostat nota keterangan adalah memadai. Bagaimanapun alasan penghakiman mestilah ditaip. Rekod rayuan tersebut hendaklah disediakan dan dihantar ke Mahkamah Tinggi dalam tempoh **satu bulan** daripada tarikh rayuan difailkan.

(b) Jika rayuan dibuat terhadap **keseluruhan keputusan**, nota keterangan dan alasan penghakiman hendaklah ditaip dan rekod rayuan hendaklah disiapkan dan dihantar ke Mahkamah Tinggi dalam tempoh **dua bulan** daripada tarikh rayuan difailkan.

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete Documents

Rayuan Dari Mahkamah Tinggi

Rekod rayuan dari Mahkamah Tinggi hendaklah disediakan dan dihantar ke Mahkamah Rayuan/Mahkamah Persekutuan dalam tempoh **tiga bulan** daripada tarikh rayuan difailkan.

3. PERBICARAAN RAYUAN

(a) Bagi rayuan ke Mahkamah Tinggi, apabila rekod rayuan telah difailkan di Mahkamah Tinggi, Penolong Kanan Pendaftar hendaklah dengan segera memberitahu Y.A. Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman bagi menetapkan tarikh perbicaraan dalam tempoh **dua bulan** daripada tarikh pemfailan rekod rayuan tersebut.

(b) Bagi rayuan ke Mahkamah Rayuan, apabila rekod rayuan diterima daripada Mahkamah Tinggi dan petisyen rayuan difailkan, Pendaftar Mahkamah Rayuan hendaklah dengan segera memberitahu Presiden Mahkamah Rayuan bagi menetapkan tarikh perbicaraan rayuan itu.

(c) Bagi rayuan ke Mahkamah Persekutuan pula, apabila rekod rayuan diterima dan petisyen rayuan difailkan, Timbalan Pendaftar Mahkamah Persekutuan hendaklah segera memberitahu Ketua Hakim Negara untuk menetapkan tarikh perbicaraan rayuan itu.

4. PENYEDIAAN LAPORAN

Bagi kes yang melibatkan anggota kerajaan sepertimana yang diperuntukkan di bawah **Perintah-Perintah Am Bab D Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993**, Majistret/ Pendaftar Mahkamah Rendah/Penolong Kanan Pendaftar hendaklah menghantar laporan berkenaan

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete Documents

kes tersebut kepada Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan serta Ketua Jabatan anggota Kerajaan berkenaan sebaik sahaja kes tersebut didaftarkan dan selesai dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran A dan B**.

5. PEMBATALAN

Pekeliling Pendaftar 2/76, Pekeliling Pendaftar 9/78, Pekeliling Pendaftar (U) 4/79, Pekeliling Hakim Besar Malaya 1/87, Pekeliling Hakim Besar Malaya 3/93, Arahan Amalan Ketua Hakim Negara 1/94, dan Pekeliling Ketua Pendaftar 3/97 adalah dibatalkan.

6. Arahan Amalan ini berkuatkuasa mulai **2 Januari 2003.**

(TUN MOHAMED DZAIDDIN BIN HAJI ABDULLAH)

s.k.:-

Y.A.A. Presiden
Mahkamah Rayuan Malaysia
Kuala Lumpur

Y.A.A. Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur

Y.A.A. Hakim Besar Sabah & Sarawak
Mahkamah Tinggi
Kuching
Sarawak

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete Documents

Y.B Peguam Negara Malaysia
Putrajaya

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur

Pendaftar
Mahkamah Rayuan
Kuala Lumpur

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Kuala Lumpur

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Sabah & Sarawak
Kuching
Sarawak

Pustakawan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur

Bahagian Penyelidikan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur

Majlis Peguam Malaysia
No. 5, Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur

Sabah Law Association
3rd Floor, No. 120 Gaya Street
WDT 414
88904 Kota Kinabalu
Sabah

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete Documents

Advocate Association of Sarawak
Bar Room
C/o Judicial Department
Jalan Gersik
93050 Petra Jaya
Kuching, Sarawak

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete Documents

LAMPIRAN 'A'

Kepada : (Ketua Jabatan Tertuduh)

.....
.....
.....
.....

Tuan,

LAPORAN MENGENAI PEGAWAI KERAJAAN
YANG DITUDUH MELAKUKAN KES JENAYAH

Pendakwa Raya lwn.....

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa

..... seorang pegawai/ kakitangan di ..... telah dituduh pada ..... kerana melakukan kes jenayah.

Butir-butir berikut untuk makluman dan tindakan tuan:

(i) Tarikh tertuduh ditangkap :
(ii) Tarikh tertuduh dituduh di Mahkamah :
(iii) Tuduhan dibawah seksyen :
(iv) Kes ditetapkan untuk bicara pada :

Sekian, terima kasih.

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

( )
Hakim Mahkamah Sesyen,
Penolong Kanan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi, Majistret,
atau Pendaftar Mahkamah
Sesyen yang berkenaan.

s.k.

1. Ketua Pendaftar,
Mahkamah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

*2. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia,
Bahagian Perkhidmatan dan Kerjaya,
(Unit Tatatertib)
Blok B, Kompleks, J.P.A.
Jalan Tun Ismail,
50510 Kuala Lumpur.

*3. Setiausaha Kerjaan Negeri .....
(Bahagian Tatateríb)

* Bergantung samada tertuduh adalah pegawai Kerajaan Persekutuan atau Negeri.

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete Documents

LAMPIRAN 'B'

Kepada : (Ketua Jabatan Tertuduh)
.....
.....
.....
.....

Tuan,

Kes No: .....
.....

Pendakwa Raya lwn .....
.....

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa kes / rayuan yang disebut diatas telah tamat dibicarakan pada..... dan keputusannya ialah .....
.....

3. # Walau bagaimanapun Timbalan Pendakwa Raya / Tertuduh telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Tinggi / Mahkamah Rayuan / Mahkamah Persekutuan pada ..... /

Tarikh memfailkan rayuan telah luput pada ..... dan tidak ada rayuan difailkan.

Sekian, terima kasih.

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

( )
Hakim Mahkamah Sesyen,
Penolong Kanan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi, Majistret,
atau Pendaftar Mahkamah
Sesyen yang berkenaan.

Potong yang mana tidak berkenaan.

s.k. 1. Ketua Pendaftar,
Mahkamah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

2. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia,
Bahagian Perkhidmatan dan Kerjaya,
(Unit Tatatertib)
Blok B, Kompleks, J.P.A.
Jalan Tun Ismail,
50510 Kuala Lumpur.

3. Setiausaha Kerjaan Negeri .....
(Bahagian Tatatertib)

* Bergantung samada tertuduh pegawai Kerajaan Persekutuan atau Negeri.